

Seri Paduka ajak rakyat bantu banteras rasuah

"Beta ingin melihat usaha pemupukan minda dan budaya membenci rasuah diperhebatkan agar warga Malaysia dihormati dunia"

BH M/S 1 20.3.07
Kerajaan mahu semua pihak tidak beri atau terima sogokan

Yang di-Pertuan Agong
Tuanku Mizan
Zainal Abidin

Oleh Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR: Yang di-Pertuan Agong Tuanku Mizan Zainal Abidin semalam mengajak semua lapisan rakyat menyokong penuh usaha Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meningkatkan integriti serta membanteras rasuah dan salah guna kuasa.

Dalam titah sulung baginda pada perasmian mesyuarat pertama Penggal Keempat, Parlimen ke-11 di Dewan Rakyat, Seri Paduka menegaskan usaha menghapuskan rasuah bukan mudah dan sebab itu kerajaan memerlukan kerjasama semua pihak untuk tidak memberi atau menerima sogokan.

"Beta ingin melihat usaha pemupukan minda dan budaya membenci rasuah diperhebatkan agar warga Malaysia menjadi masyarakat berpendirian tinggi dan dihormati dunia.

"Malaysia harus dilihat sebagai sebuah negara bermaruah dan berhe-mah tinggi," titah Tuanku Mizan yang dilantik menjadi Yang di-Pertuan Agong ke-13 pada 13 Disember lalu, menggantikan Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Baginda juga menegaskan mengenai pentingnya pemantauan terhadap program kerajaan diperkukuhkan lagi bagi memastikan segala perancangan dan perbelanjaan memanfaatkan golongan sasaran, terutama rakyat termiskin dan terpinggir.

Selain itu, Tuanku Mizan mahu tahap sosioekonomi rakyat, terutama di luar bandar, dipertingkatkan dengan menyegerakan projek pembangunan seperti Koriidor Pembangunan Wilayah Utara, Pantai Timur serta Sabah dan Sarawak.

Mengenai sektor pertanian yang menjadi penjana pertumbuhan ekonomi ketiga negara, baginda menggesa agar usaha menarik penyertaan swasta dipertingkatkan, khususnya dalam usaha sama memabitkan

Modal insan berkualiti perlu ditingkat

B. H. M/s 2 20.3.07

DARI MUKA 1

penggunaan teknologi tinggi.

Yang di-Pertuan Agong juga berharap kerajaan memperhebatkan lagi usaha membangunkan modal insan berkualiti menerusi pendidikan, latihan dan proses pembelajaran sepanjang hayat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

"Proses pembangunan modal insan berkualiti harus bermula dari peringkat usia muda lagi. Oleh itu, tekanan harus diberi kepada pendidikan prasekolah supaya kanak-kanak mendapat ruang memulakan hidup yang terbaik," titah baginda yang juga mahu sistem pendidikan merangkumi peringkat rendah, menengah dan tinggi diberi perhatian khusus.

Bagaimanapun, titah Seri Paduka, usaha memajukan negara sekalipun berasaskan dengan pelbagai dasar dan rancangan yang baik, sukar dilaksanakan sekiranya sistem penyampaian perkhidmatan awam tidak berkesan.

"Kerajaan beta perlu terus berusaha dan melipatgandakan kerja kerana masih terdapat banyak ruang untuk membuat perubahan dan pembaharuan," titah baginda sambil me-

ningatkan kerajaan dan rakyat supaya tidak leka dengan kejayaan yang dicapai negara sejak kemerdekaan 50 tahun lalu.

Seri Paduka sebaliknya menegaskan sekarang adalah masa untuk semua pihak meningkatkan usaha bagi menjamin kesejahteraan negara untuk tempoh 50 tahun akan datang.

"Tahun ini amat istimewa dan penting dalam sejarah negara. Kita akan menyambut ulang tahun kemerdekaan negara yang ke-50. Ia bermakna telah separuh abad kita bebas daripada telunjuk penjajah yang melemahkan jiwa anak bangsa dengan dasar pecah dan perintah.

"Sejak merdeka, kita sudah mampu berdikari dan memerintah negara sendiri tanpa bergantung dengan kuasa luar.

"Sesungguhnya makna kebebasan dan makna kemerdekaan ini amat berharga dan perlu dihayati terutama bagi generasi muda," titah baginda sambil memberi jaminan kerajaan pimpinan Abdullah tidak akan dibuat dengan kejayaan yang dicatat negara sehingga kini, sebaliknya akan terus mengejar kecemerlangan lain.

Baginda berharap Ahli Parlimen turut berkorban tenaga bagi memastikan segala dasar, program dan pro-

jek yang dirancang disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan kerana hanya tinggal 13 tahun lagi menjelang 2020.

"Negara ini adalah hak milik kita bersama. Beta percaya jika setiap warga Malaysia melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing, tidak ada gunung yang tidak dapat didaki, tidak ada lurah yang mustahil dituruni.

"Dengan kerjasama yang erat serta persefahaman dan komitmen yang tinggi daripada semua pihak, beta yakin cita-cita dan harapan kita akan terlaksana," titah baginda.

Dalam pada itu, Seri Paduka mengingatkan mengenai pentingnya memelihara perpaduan, terutama dalam era teknologi maklumat dan komunikasi sekarang yang menyaksikan perbincangan dan pertukaran pendapat sesama rakyat berlaku secara terbuka.

"Beta berharap rakyat dapat berbincang dan mengurus keterbukaan ini secara bijaksana, tenang dan prihatin. Tanpa perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat, negara kita cintai akan berpecah-belah dan akhirnya binasa dengan hasutan dan kebencian," titah baginda.

Mengenai program Tahun Melawat Malaysia 2007, Tuanku Mizan mahu

usaha bersepadu dipertingkatkan bagi menjadikan negara ini antara destinasi pelancongan utama dunia.

"Sempena Tahun Melawat Malaysia 2007, beta menyeru semua lapisan masyarakat terutama barisan hadapan industri pelancongan negara supaya sentiasa bersikap jujur, ikhlas dan mesra serta berusaha memberi layanan yang terbaik," titah baginda.

Tuanku Mizan turut mengingatkan kerajaan dan rakyat agar sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan, khususnya bencana alam seperti banjir besar di selatan tanah air pada awal tahun ini.

"Bencana alam ini adalah antara yang terburuk dalam sejarah negara kita. Lebih 100,000 rakyat jelata terpaksa dipindahkan dan kerugian dianggarkan mencecah hampir RM1.5 bilion.

"Beta dan Raja Permaisuri Agong merakamkan ucapan takziah kepada mereka yang kehilangan ahli keluarga, harta benda dan mata pencarian akibat bencana itu. Beta juga mengucapkan tahniah kepada kerajaan dan Perdana Menteri yang bertindak pantas bagi meringankan penderitaan dan membantu mangsa banjir memulakan kehidupan baru," titah baginda.